

24/03/1999

Keputusan bicara kes Anwar 6 April

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 6 April ini untuk mengumumkan keputusan perbicaraan empat tuduhan rasuah terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk S Augustine Paul membuat keputusan itu selepas pembela dan pendakwa enggan menggulung hujah mereka seperti ditetapkan hari ini.

Paul berkata, walaupun peguam bela yang mewakili Anwar enggan membuat penghujahan mereka, beliau memberi peluang kepada tertuduh mengemukakan hujah bertulis kepada mahkamah tiga hari sebelum tarikh keputusan itu.

Menurutnya, tertuduh juga perlu menyerahkan salinan hujahnya kepada pendakwa pada hari berkenaan.

Pembela enggan membuat penggulangan hujah kerana keputusan mahkamah tidak membenarkan penangguhan perbicaraan hari ini sementara menunggu permohonan pembela didengar.

Pembela memfailkan permohonan pada 15 Mac lalu supaya Paul dilucutkan kelayakannya daripada mendengar perbicaraan kes tuduhan rasuah itu dengan alasan berat sebelah.

Raja Aziz Addruse, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar memberitahu mahkamah, pembela tetap dengan pendirian mereka tidak akan berhujah selagi permohonan pembela tidak didengar.

Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, berkata pendakwa juga tidak akan membuat penggulangan hujah walaupun mengikut undang-undang, mereka dibenarkan berbuat demikian.

"Bagi keadilan terhadap pembela, kami juga tidak bercadang mengemukakan hujah kami kepada mahkamah," katanya.

Mohtar bagaimanapun berkata, berdasarkan Seksyen 181A Kanun Acara Jenayah, pendakwa berjaya membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah terhadap empat tuduhan pindaan itu.

Sehubungan itu, katanya, tertuduh perlu disabitkan kesalahan dan seterusnya dihukum oleh mahkamah.

Anwar memberitahu pemberita, beliau tidak akan mengemukakan hujah bertulis, melainkan permohonannya untuk melucutkan kelayakan Paul diputuskan oleh mahkamah.

"Permohonan saya perlu didengar dulu," katanya sambil menggelengkan kepala selepas Paul menangguhkan perbicaraan pada jam 12 tengah hari.

Dalam perbicaraan selama 73 hari, pembela memanggil 21 saksi termasuk Anwar sendiri. Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail juga turut dipanggil untuk memberi keterangan bagi pihak pembela.

Pembela sebelum ini memberitahu mahkamah, pihaknya tidak bercadang memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai saksi.

Seramai 23 saksi pendakwa dipanggil memberi keterangan termasuk bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang; timbalannya, Datuk Amir Junus; Deputy Superintendan Abdul Aziz Hussin; Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din; Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Datuk Alias Ali; Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali.

Pada 30 Januari lalu, Mahkamah Tinggi memerintahkan Anwar membela diri terhadap empat tuduhan rasuah dan tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah pada 8 Februari lalu.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menghadapi satu lagi tuduhan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat yang akan dibicarakan antara Disember tahun lalu hingga Jun tahun ini.

Lima tuduhan liwat itu didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, Paul belum menetapkan perbicaraan satu lagi kes amalan rasuah dan kes liwat. Beliau menetapkan supaya empat tuduhan rasuah dibicarakan dulu, bermula 2 November lalu.

(END)